

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 24 APRIL 2012, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 3

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1251-L14563
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan keberkesanan peranan yang telah dimainkan oleh SME Bank dalam membangunkan usahawan IKS setakat ini. Apakah kemampuan bank tersebut dan strategi-strategi baru dalam memacu pertumbuhan usahawan IKS di samping meningkatkan sumbangan IKS kepada KDNK negara.
2. PN-1251-L14580
Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada Kerajaan berusaha untuk memperluaskan pemasangan lampu jalan dengan menggunakan lampu berteknologi diod pemancar cahaya (LED).
3. PN-1251-L14100
Dato' Nalla K. S. minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mewajibkan ladang-ladang untuk meningkatkan penggunaan jentera atau kejenteraan dalam operasi perladangan mereka kepada peratusan tertentu demi untuk mengurangkan kebergantungan berterusan kepada pekerja-pekerja asing.
4. PN-1251-L14062
Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status projek-projek perumahan di Pulau Pinang yang berjaya diselamatkan semenjak tahun 2008. Nyatakan nama syarikat penyelamat yang dilantik, jumlah unit serta jumlah perbelanjaan yang terlibat.
5. PN-1251-L14031
Dato' Ng Fook Heng minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah masalah kekurangan guru di SJK(C) berlarutan begitu lama. Apakah langkah-langkah yang drastik yang akan diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.

6. PN-1251-L14650
Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah penyedia perkhidmatan pengurusan pepejal yang berdaftar dengan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara secara terperinci mengikut negeri. Adakah jumlah yang ada mencukupi untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti di seluruh negara memandangkan ada kawasan seperti di kawasan Majlis Bandaraya Alor Setar yang merosot mutu perkhidmatannya.
7. PN-1251-L14379
Datuk Paul Kong Sing Chu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apa tindakan yang diambil oleh Kementerian mengenai masalah lalu-lintas di kawasan sekolah yang menjadi semakin teruk kerana jalan-jalan dihalang oleh kenderaan-kenderaan yang menghantar dan menunggu murid-murid.
8. PN-1251-L14523
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pelaksanaan dan implementasi Skim Kesihatan Nasional 1Care yang telah menerima tentangan hebat daripada masyarakat umum akibat daripada kekurangan maklumat dan komunikasi mengenai pelaksanaan program ini daripada pihak Kementerian.
9. PN-1251-L14309
Tuan Chiew Lian Keng minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sebab-sebab jumlah penonton atau "viewership" rangkaian TV1 dan TV2 yang semakin merosot dan sama ada Kementerian mengambil langkah-langkah berkesan untuk mengatasi masalah tersebut.
10. PN-1251-L14362
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sekiranya Kementerian mempunyai satu kaedah pemantauan untuk mengukur dan menilai keberkesanan pelaksanaan MBMMBI. Apakah langkah-langkah penambahbaikan yang diambil semenjak MBMMBI itu dilancarkan.
11. PN-1251-L14047
Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan nisbah kenaikan pangkat kakitangan Kor Agama Angkatan Tentera dan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan Fakulti Pengajian Islam di Universiti Pertahanan Negara khusus untuk menyelaraskan pendekatan, kemahiran dan fokus bersesuaian dengan bidang ketenteraan di peringkat pengajian tinggi dalam konteks Islam yang syumul.
12. PN-1251-L14633
Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kementerian bekerjasama dengan Kementerian-kementerian lain dalam membantu usahawan-usahawan belia bermiaga terutama sekali dengan Kementerian Belia dan Sukan. Jika ada, apakah bentuk kerjasama tersebut.

13. PN-1251-L14005
Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah penempatan guru yang hanya diisi oleh Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT).
14. PN-1251-L14106
Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan secara terperinci tindakan Kementerian untuk memperkenalkan sistem modular di dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang dicadangkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia bagi menggantikan sistem yang sedia ada.
15. PN-1251-L13995
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian bagi merealisasikan pengurusan sisa pepejal yang lebih berkesan seperti pembinaan loji insinerator berkapasiti tinggi di negara ini.
16. PN-1251-L14697
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan status perkembangan kontrak untuk kerja-kerja pembersihan sungai yang telah diberikan kepada Syarikat YTL Corporation yang bernilai sekitar RM1 bilion sepatimana yang pernah dilaporkan di dalam akhbar mingguan ekonomi The Edge pada 14 Mei, 2007, termasuk projek awal yang melibat Sungai Klang.
17. PN-1251-L13906
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:-
 - (a) jumlah pelaburan dari luar negara sepanjang tahun 2010 dan 2011 untuk sektor perlombongan dan petroleum; dan
 - (b) apakah faktor dan kriteria utama menyebabkan minat pelabur-pelabur berkenaan untuk melabur di negara kita.
18. PN-1251-L14323
Tuan Lee Cheam Choon minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jika adanya rancangan untuk memperkenalkan semula yuran tahunan untuk pengguna telefon bimbit sebagai satu sumber utama pendapatan Kementerian.
19. PN-1251-L14565
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah strategi Kementerian menganjurkan sambutan Hari Belia secara besar-besaran di peringkat nasional dan negeri sedangkan sambutan yang sama tidak lagi dianjurkan di peringkat akar umbi iaitu di daerah-daerah.

20. PN-1251-L14351
Tuan Lee Cheam Choon minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan wanita yang menerima latihan kemahiran di bawah Institut Latihan Perindustrian Selandar, Melaka dan Institut Latihan Perindustrian Selangor yang bertujuan memberi peluang yang sama kepada wanita dan lelaki sebagai projek perintis untuk "Gender Budgeting" sejak tahun 2005.
21. PN-1251-L13927
Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan cukai oleh LHDN bagi tahun 2011 dan berapa peratuskah kenaikan jika dibandingkan dengan tahun 2010 dan nyatakan sebab-sebab kenaikan tersebut.
22. PN-1251-L14684
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh Ahli-ahli MAIWP dalam menasihati Yang Di-Pertuan Agong dalam soal lantikan Hakim Syarie di Wilayah Persekutuan.
23. PN-1251-L14035
Dato' Ng Fook Heng minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilakah masalah pengeksportan sarang burung walit ke negara China dapat diselesaikan. Mengapakah masalah ini dibiarkan berlarutan begitu lama.
24. PN-1251-L14117
Tuan Haji Ahamat@Ahmad bin Yusop minta **PERDANA MENTERI** menyatakan matlamat dan hala tuju Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) dalam usaha membantu pelajar Bumiputera melanjutkan pelajaran dalam bidang profesional.
25. PN-1251-L14325
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejak kebelakangan ini terdapat beberapa unsur yang bertentangan dengan Islam dalam filem Tamil dan Hindi. Ini jelas akan menimbulkan keresahan di kalangan masyarakat yang beragama Islam di negara ini. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga Penapis dan Kawalan Filem dalam usaha membendung unsur-unsur bertentangan dengan Islam yang disiarkan untuk tontonan umum dalam filem Tamil dan Hindi.
26. PN-1251-L14240
Dato' Zaitun binti Mat minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi Gerakan Kesederhanaan Global (Global Movement of Moderates) untuk golongan mahasiswa dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi memastikan golongan mahasiswa mengamalkan wasatiyyah atau kesederhanaan serta menolak fahaman fanatik dan ekstrem bagi mengekalkan keharmonian dan perpaduan kaum di negara ini khususnya di kampus IPT.

27. PN-1251-L14159
Dr. S. Ramakrishnan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa tahun lagi rizab minyak dan gas negara boleh bertahan jika melihat kepada kadar pengeluarannya pada masa ini dan apakah rancangan persediaan kerajaan untuk menghadapi masa depan tanpa minyak dan gas sendiri.
28. PN-1251-L13955
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan program Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M), jumlah restoran yang mengambil bahagian, isu dan permasalahan berbangkit serta pelan jangka panjang agar program ini dapat dinikmati oleh golongan sasaran serta menjadi program jangka panjang yang berjaya.
29. PN-1251-L14470
Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta **PERDANA MENTERI** menyatakan faedah yang telah, sedang dan bakal dinikmati oleh masyarakat India di negara ini berkaitan dengan Pelan Transformasi Ekonomi yang berlandaskan konsep 1Malaysia.
30. PN-1251-L13996
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang terdapat di premis dan koperasi di IPTA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh negara dan nyatakan produk jenama 1Malaysia yang terdapat di KR1M ini serta nyatakan sejauh manakah inisiatif ini dapat mengurangkan beban kos sara hidup golongan pelajar.
31. PN-1251-L14199
Dato' Azian bin Osman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kriteria dan langkah Khazanah Nasional Berhad dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) melupuskan aset perniagaan bukan teras untuk ditadbir atau diserah kepada syarikat Bumiputera secara tender terbuka dan nyatakan syarikat-syarikat bukan teras yang berpotensi untuk dilupuskan.
32. PN-1251-L14162
Puan Norliza binti Abdul Rahim minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kedudukan Malaysia di dalam penyenaraian antarabangsa bagi pencapaian pelajar-pelajar dalam mata pelajaran Matematik, Sains dan bacaan.
33. PN-1251-L13964
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah cadangan untuk mewujudkan pengkhususan yang menjurus kepada pembangunan gas dan minyak di Labuan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dalam sektor gas dan minyak yang semakin berkembang.
34. PN-1251-L14593
Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah fungsi Rakan Pengguna yang ditubuhkan oleh Kementerian.

35. PN-1251-L14716

Dato' Dr. Johari bin Mat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyakkah perjawatan yang telah diperuntukkan dan berapakah jawatan yang telah diisi semenjak Badan Pencegah Rasuah (BPR) dinaik taraf kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Dari segi indeks rasuah di Malaysia, apakah ia semakin berkurangan ataupun sebaliknya semenjak SPM menggantikan BPR.

36. PN-1251-L14016

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana usaha Kerajaan menangani paras hutang awam yang membimbangkan memandangkan hutang Kerajaan Persekutuan telah mencecah 53.8 peratus daripada KDNK sementara hutang isi rumah telah mencecah 77.6 peratus daripada KDNK. Apakah Kerajaan tidak setuju dengan pandangan bahawa kombinasi kedua-dua paras hutang Kerajaan Persekutuan dan hutang isi rumah yang tinggi bakal mewujudkan risiko tinggi dari segi kestabilan ekonomi dan sosial.

37. PN-1251-L14273

Puan Hajah Noriah binti Mahat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah permohonan sijil halal pada 2011 dan berapakah jumlah sijil yang ditarik balik serta nyatakan sebab-sebabnya.

38. PN-1251-L14157

Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

- (a) apakah status terkini kempen 'Katakan Tak Nak Pada Rokok' yang dikhaskan tidak mencapai sasarannya; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang melancarkan kempen seumpama ini pada masa hadapan atau mempunyai kaedah lain dalam usaha menggalakkan perokok menjauhi tabiat tidak sihat ini.

39. PN-1251-L14460

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah cara dana daripada KWSP dapat dioptimakan supaya pencarum mendapat kemudahan-kemudahan yang boleh membantu dalam menghadapi masa depan mereka.

40. PN-1251-L14638

Dato' Boon Som a/l Inong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melantik Pegawai Penggerak Perpaduan daripada kalangan masyarakat Siam di negeri Kedah, Kelantan, Perlis dan Perak yang akan memainkan peranan untuk memupuk perpaduan di kalangan masyarakat Siam serta perpaduan bersama masyarakat kaum lain.

41. PN-1251-L14072

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian menangani masalah peningkatan kematian yang berpunca dari demam dengei pada ketika ini.

42. PN-1251-L14448
Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan jelas rangkuman Dasar Kenaikan Pangkat secara (Time-Based-8 tahun) perkhidmatan guru (Pegawai Perkhidmatan Pendidikan) yang melibatkan guru-guru di Kementerian Pelajaran Malaysia, Badan Berkanun (MARA), dan semua Agensi Kerajaan yang mempunyai Skim Perkhidmatan Pendidikan (DG).
43. PN-1251-L14236
Dato' Zaitun binti Mat minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi membolehkan suri rumah dan mereka yang bekerja sendiri termasuk pemandu teksi membuat caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi menjamin masa depan mereka.
44. PN-1251-L14413
Datuk Paul Kong Sing Chu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan pasangan yang menerima kaunseling pasangan (*couple counselling*) di bawah projek perintis Perkhidmatan Kesihatan Reproduktif Komprehensif (*Comprehensive Reproductive Health Services*) sebagai usaha meningkatkan kesedaran di kalangan lelaki agar bertanggungjawab dan memainkan peranan dalam soal perancangan keluarga.
45. PN-1251-L14437
Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jika Akta Perhubungan Antara Kaum (*Race Relation Act*) akan dilaksanakan kerana ini dapat memupuk semangat 1Malaysia dalam erti yang sepenuhnya.
46. PN-1251-L14565
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah strategi Kementerian menganjurkan sambutan Hari Belia secara besar-besaran di peringkat nasional dan negeri sedangkan sambutan yang sama tidak lagi dianjurkan di peringkat akar umbi iaitu di daerah-daerah.
47. PN-1251-L14458
Dato' Jaspal Singh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kawasan-kawasan sasaran bagi pelancaran PR1MA dan jumlah unit yang akan disediakan untuk rakyat bagi tahun 2012. Apakah kriteria untuk membeli rumah sebegini dan bagaimanakah harga pasaran akan ditentukan.
48. PN-1251-L14396
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perkembangan bagi cadangan bina dan jual (*build-and-sell*) memandangkan bilangan projek terbengkalai dan bilangan projek bermasalah masih berlaku.
49. PN-1251-L14132
Dr. Syed Husin Ali minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah janji Kerajaan yang dibuat beliau pada tahun 2010 untuk membina Juru-Bypass akan ditunaikan. Berapakah kos projek itu dan adakah tender sudah dibuka atau diberikan.

50. PN-1251-L14380
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapa Kedai Runcit 1Malaysia (KR1M) yang telah diadakan di seluruh Malaysia sehingga hari ini.
51. PN-1251-L14539
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk mencegah peningkatan anak tak sah taraf semakin meningkat terutamanya di kalangan anak tak sah taraf beragama Islam.
52. PN-1251-L14622
Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan isu kebanjiran warga asing masih menjadi satu isu yang merimaskan banyak pihak. Sejauh mana keberkesanan Program 6P dalam menanggani permasalahan ini bagi memastikan hanya mereka yang masuk ke negara ini menggunakan saluran yang sah sahaja boleh berkerja dan sebagainya.
53. PN-1251-L14232
Datuk Maijol bin Mahap minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah pengurusan PROTON yang tidak cekap yang telah menyebabkan ia mengalami kerugian sebanyak RM88 juta baru-baru ini dan apakah tindakan strategik Kementerian terhadapnya.
54. PN-1251-L14726
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan yang dilakukan oleh Malaysia sebagai sebuah negara OIC terhadap pemberontakan yang berlaku di negara Syria. Apakah bantuan-bantuan yang dihulurkan dan adakah pihak NGO telah dihantar untuk membantu mangsa-mangsa yang terlibat dengan pemberontakan dan kekacauan di negara tersebut.
55. PN-1251-L14589
Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyak syarikat awam dan swasta komited mewujudkan suasana perniagaan yang menolak rasuah selaras inisiatif Kerajaan memperkenalkan Ikrar Integriti Korporat (CIP) pada 31 Mac 2011 lalu.
56. PN-1251-L14211
Tuan Pau Chiong Ung minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) mengapakah pihak Kementerian mengambil masa yang begitu lama untuk meluluskan taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 15A di bawah Perlembagaan Persekutuan yang sudah pastinya pemohon-pemohon ini merupakan anak kelahiran Malaysia; dan
 - (b) berapa ramaikah yang telah mendapat kelulusan taraf kewarganegaraan ini pada tahun 2011 dan berapa ramaikah yang masih dalam keadaan menunggu kelulusan daripada pihak Kementerian.

57. PN-1251-L14513
Tuan Khoo Soo Seang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang akan diambil untuk memastikan semua kakitangan Kerajaan lebih peka kepada sensitiviti kaum, agama dan budaya berbilang kaum di negara ini, bagi mengelakkan kejadian seperti penganjuran Seminar Pemantapan Aqidah, Bahaya Liberalisme dan Pluralism serta Ancaman Kristianisasi Terhadap Umat Islam. Apa peranan guru yang menyenggung perasaan pihak tertentu daripada berulang.
58. PN-1251-L14037
Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan bilangan "resort" yang berada di kawasan kepulauan milikan penuh warganegara dan pemilikan bersama oleh rakyat asing di seluruh negara dan jumlah pelancong dalam dan luar negara yang mengunjungi kawasan serta pendapatan yang dijana dari kawasan tersebut dari 2005 sehingga 2011.
59. PN-1251-L14191
Dr. S. Ramakrishnan minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan nama-nama Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan jumlah wang yang diperuntukkan untuk setiap sekolah selepas Perdana Menteri mengumumkan sebanyak RM440 juta telah dibelanjakan untuk membina dan menaik taraf SJKT di seluruh negara sejak tahun 2009.
60. PN-1251-L13945
Datuk Chin Su Phin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihak Kementerian bersetuju bahawa kewujudan van hantu seperti di KL Sentral dan Masjid Jamek menunjukkan kelemahan sistem pengangkutan awam di negara ini dan apakah pandangan Kerajaan dalam hal ini dan apakah Kerajaan mempunyai jalan penyelesaian yang dapat memberikan situasi menang-menang (win-win situation) kepada semua pihak.
61. PN-1251-L14142
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah pemberian dan siapakah penerima subsidi yang terlibat dalam projek Kedai Rakyat 1Malaysia dan Pasar Rakyat 1Malaysia.
62. PN-1251-L14283
Puan Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah peranan Kementerian dalam menangani masalah remaja lari dari rumah dan remaja perempuan diculik yang semakin berleluasa, dan sejauh manakah agensi di bawah Kementerian ini membantu remaja-remaja yang diselamatkan diberikan kaunseling agar kembali pulih.

63. PN-1251-L14455

Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pengambilan SARA 1Malaysia di kalangan rakyat Malaysia sejak dilaksanakan mengikut kuota yang telah diberikan mengikut pecahan kaum. Apakah kriteria yang diamalkan oleh PNB untuk menyertai skim pinjaman dan sama ada kriteria ini munasabah supaya kuota yang ditetapkan dapat disertai oleh semua kaum.

64. PN-1251-L14235

Dato' Zaitun binti Mat minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah Dasar Sumber Air Negara (DSAN) mampu memastikan bekalan air yang terjamin bagi sektor pertanian dan perindustrian, pertumbuhan perbandaran dan pertambahan penduduk yang pesat bagi seluruh negara.

65. PN-1251-L14298

Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Kerajaan ada memberi peruntukan tempat tambahan bagi anak-anak India yang cemerlang untuk melanjutkan pelajaran di MRSM dan Biasiswa JPA. Adakah Kerajaan telah menetapkan peratusan angka bagi anak India Muslim yang cemerlang.

66. PN-1251-L14540

Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kesan-kesan negatif kepada kewangan negara jika perkara-perkara berikut dilaksanakan:-

- (a) menghapuskan skim pembiayaan pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan digantikan dengan pendidikan percuma dari sekolah rendah sehingga universiti; dan
- (b) menghapuskan kutipan tol di lebuh raya.

67. PN-1251-L14663

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik terkini pihak SPR menunjukkan 31.4 peratus warga negara Malaysia di Sarawak yang sudah layak tetapi belum lagi mendaftar sebagai pengundi. Berapakah nisbahnya yang sebenar dan pecahan mengikut kaum majoriti di Sarawak yang belum berdaftar dengan SPR.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang dan masalah dicadangkan:-**

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Kedua Belas.”

Menyambung semula perbahasan atas masalah (23 April, 2012)

| | | | |
|---|-----------------------|--|-----------------------------------|
| 2. | (D.R. 3/2012) | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2012 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| [Kementerian Kewangan] | | | |
| 3. | (D.R. 44/2011) | Rang Undang-undang Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2011 | “ |
| [Kementerian Kerja Raya] | | | |
| 4. | (D.R. 1/2012) | Rang Undang-undang Pengantaraan 2012 | “ |
| [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | | | |
| 5. | (D.R. 2/2012) | Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012 | “ |
| [Menteri Pengangkutan] | | | |
| 6. | (D.R. 6/2012) | Rang Undang-undang Laporan Kewangan (Pindaan) 2012 | “ |
| [Kementerian Kewangan] | | | |
| 7. | (D.R. 5/2012) | Rang Undang-undang Syarikat Labuan (Pindaan) 2012 | “ |
| [Kementerian Kewangan] | | | |
| 8. | (D.R. 7/2012) | Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2012 | “ |
| [Kementerian Kewangan] | | | |

| | | | Bacaan Kali Yang Kedua |
|-----|----------------|--|-------------------------------|
| 9. | (D.R. 15/2012) | Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2012 | |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 10. | (D.R. 18/2012) | Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012 | " |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 11. | (D.R. 17/2012) | Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2012 | " |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 12. | (D.R. 16/2012) | Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) (No.2) 2012 | " |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 13. | (D.R. 13/2012) | Rang Undang-undang Laut Wilayah (Pindaan) 2012 | " |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 14. | (D.R. 20/2012) | Rang Undang-undang Rukun Tetangga 2012 | " |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 15. | (D.R. 21/2012) | Rang Undang-undang Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 | " |
| | | [Kementerian Dalam Negeri] | |
| 16. | (D.R. 4/2012) | Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2012 | " |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 17. | (D.R. 11/2012) | Rang Undang-undang Jasa Perkasa Persekutuan (Elaun Kenangan) 2012 | " |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 18. | (D.R. 12/2012) | Rang Undang-undang Pingat Tentera Udara (Elaun Kenangan) 2012 | " |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |

- | | | |
|---|--|-------------------------------|
| 19. (D.R. 8/2012) | Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| [Kementerian Pengajian Tinggi] | | |
| 20. (D.R. 9/2012) | Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2012 | “ |
| [Kementerian Pengajian Tinggi] | | |
| 21. (D.R. 10/2012) | Rang Undang-undang Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2012 | “ |
| [Kementerian Pengajian Tinggi] | | |
| 22. (D.R. 14/2012) | Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2012 | “ |
| [Kementerian Kewangan] | | |
| 23. (D.R. 23/2012) | Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012 | “ |
| [Kementerian Dalam Negeri] | | |
| 24. PN-1251-U13929 Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:- | | |
| <p>"Bahawa Dewan ini mengambil maklum tentang kecekapan sistem pengangkutan awam yang merupakan sebahagian daripada kelestarian dan keharmonian mana-mana sempadan di dunia. Kecekapan berkenaan perlu diwujudkan selari dengan pertambahan penduduk yang begitu cepat. Ini menyebabkan bandaraya-bandaraya besar termasuk Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru dan lain-lain sentiasa dilanda kesesakan lalu lintas yang mendesak. Kadangkala, untuk sampai ke destinasi yang berada di sekitar 5km sahaja akan mengambil masa yang agak lama. Ini merugikan masa, tenaga, minyak petrol dan keharmonian di kalangan pengguna pengangkutan awam. Dewan juga sedia maklum bahawa kereta persendirian juga masih banyak digunakan biarpun berlaku penurunan tetapi ternyata masih tinggi iaitu 34% (1985) turun kepada 20% (1997) dan 10-12% (2008). Namun, penurunan penggunaan kereta persendirian akibat sistem pengangkutan awam yang telah ditambah baik melalui pengenalan pengangkutan rel transit seperti Komuter, LRT, STAR dan bas rapid yang semakin banyak (tersusun) bukan bermakna rakyat berpuas hati dengan apa yang terhidang di hadapan mata mereka. Justeru, Dewan ini diseru supaya pihak Kerajaan mempercepatkan transformasi terhadap sistem pengangkutan darat selari dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD).</p> | | |

Kerajaan juga diseru untuk mengurangkan kesesakan di kawasan-kawasan perniagaan; mempertingkatkan jumlah bas berhenti-henti di samping monorel yang lebih teratur dengan pelaksanaan piawaian perkhidmatan yang lebih canggih dan bersistematis. Kerajaan juga perlu mengambil kira projek-projek infrastruktur yang memungkinkan integrasi stesen dan kemudahan-kemudahan "park and ride" yang lebih lestari dan teratur seperti yang sedang dilakukan di Putrajaya."

(Menteri Di Jabatan Perdana Menteri)

25. PN-1251-U13942

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini sedia maklum tentang Kerajaan Indonesia yang telah bermain tarik tali di dalam isu pembantu rumah (amah). Ketika mengadakan perbincangan di antara Kerajaan, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk menyelesaikan masalah ini sebaik mungkin. Namun, secara tiba-tiba pula, Kerajaan Indonesia mengumumkan untuk menghantar rakyat mereka yang terlatih sebagai amah untuk bekerja di dalam satu bidang kerja sahaja dengan gaji RM700 sebulan. Bayangkan apa akan jadi kepada keluarga yang bekerja yang tidak tentu masa, sudah tentu merumitkan mereka untuk membersih pakaian, menyediakan makan minum untuk keluarga dan untuk membersih/mengemas rumah. Kita faham bahawa pembantu rumah atau amah diperlukan untuk membantu keluarga menjaga anak-anak mereka yang bekerja/keluar mencari rezeki. Dewan ini juga sedia maklum bahawa prestasi kerja dan kedamaian keluarga juga berlaku akibat suasana rumah tangga yang harmoni. Sekiranya keadaan hiruk pikuk di rumah dengan keadaan persekitaran di dalam rumah yang lintang pukang; anak-anak yang terbiar; makanan yang tidak terurus, sudah tentu hasil kerja dan produktiviti seseorang itu akan terganggu. Maka, Dewan ini, disaran supaya Kementerian Sumber Manusia (KSM) membuka ruang kepada pengusaha-pengusaha latihan untuk memberikan perkhidmatan dan latihan kepada anak-anak muda tempatan untuk berkhidmat sebagai amah secara sistematis. Jika perlu, satu kurikulum berkaitan yang dikenali Aloss perlu digubal dan disebar-luas kepada pengusaha yang berminat. Satu tempoh masa perlu diberi perhatian oleh Kerajaan bagi memastikan anak-anak kita dijaga oleh pekerja tempatan yang lebih memahami budaya dan cara hidup serta agama yang dianuti di Malaysia. Selain itu, di masa sama, ianya menjimatkan Kerajaan dari segi pengaliran wang keluar negara yang berjumlah lebih RM5 bilion setahun. Ianya juga untuk mengurangkan masalah gejala sosial dan salah laku yang berlaku ke atas keluarga dan amah yang bekerja di negara kita. "

(Menteri Sumber Manusia)

26. PN-1251-U13943

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Ahli Parlimen Permatang Pauh banyak melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan dasar luar Malaysia. Antara yang begitu ketara apabila beliau secara terang-terangan tanpa segan silu menyokong supaya semua negara memelihara keselamatan/keamanan Israel. Sedangkan beliau tahu Israel adalah negara haram. Israel adalah negara "atas angin" sahaja tanpa berpaksi kesahihan undang-undang antarabangsa. Namun, Anwar telah menegaskan dalam The Wall Street Journal bahawa negara itu perlu diperlihara. Ini bermakna Anwar telah menggadai prinsip demokrasi, menguris perasaan orang-orang Islam bahawa negara yang sah iaitu Palestin; merobek persefahaman negara-negara Islam yang lain terhadap Malaysia kerana Anwar dikenali atas perjuangannya dulu di dalam ABIM (yang akhir-akhir ini jauh terpesong) dan semangat musyawarah di kalangan negara-negara Islam yang menyokong Palestin. Justeru, Dewan ini didesak untuk mengambil satu tindakan terhadap kes-kes seperti yang dilontar oleh Anwar dengan mengadakan peraturan ke atas sesuatu komen atau pandangan bersandarkan sensitiviti negara-negara yang mahu diberi komen dengan mengambil kira fahaman agama dan geopolitik setempat. Maka Kerajaan diminta menyediakan garis panduan atau peraturan ke atas kebebasan mengeluarkan pendapat tanpa menidakkann fakta dan dasar luar negara Malaysia. Ini penting bagi memastikan kedaulatan negara kita tidak tercemar oleh sepatah perkataan yang sengaja dihemburkan demi untuk suatu bentuk simpati politik peribadi yang akhirnya merosakkan imej Malaysia di mata dunia."

(Menteri Luar Negeri)

27. PN-1251-U14222

Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak kerajaan mengubal Undang-undang Kebebasan Maklumat bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati hak untuk mendapatkan maklumat selaras dengan kehendak prinsip-prinsip demokrasi. Hak rakyat untuk mendapatkan maklumat adalah penting bagi membolehkan rakyat untuk memeriksa dan membendung penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan Kerajaan dalam hal-hal pentadbiran Kerajaan terutamanya keputusan-keputusan Kerajaan yang mempunyai implikasi secara langsung dan tidak langsung terhadap rakyat jelata. Oleh itu saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkkan usul pengubalan undang-undang bagi tujuan membolehkan rakyat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran dan hal-hal Kerajaan terutamanya dalam proses membuat keputusan-keputusan sejajar dengan prinsip demokrasi (participatory democracy) dan kepentingan awam (public interest). Rakyat Malaysia mengalu-alu satu Kerajaan yang telus dan bertanggung jawab maka pengubalan undang-undang ini adalah mustahak. Undang-undang ini akan membenarkan akses kepada dokumen-dokumen sesebuah agensi Kerajaan dan dokumen-dokumen rasmi Kementerian Kerajaan.

Maka disarankan supaya Kerajaan mengambil serius pengubalan undang-undang ini dan memgambil segala langkah-langkah untuk merealisasikan undang-undang ini di Malaysia yang mana undang-undang begini telahpun diperkenalkan di negara-negara KOMANWEL yang lain. "

(Menteri di Jabatan Perdana Menteri)

28. PN-1251-U14225

Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap penyalahgunaan minuman alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita, terutama di kalangan remaja bermula dari usia 16 tahun amat membimbangkan dan ia akan membawa padah kepada masa depan negara kita jika kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya secepat mungkin. Oleh itu, saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkkan usul pengubalan undang-undang untuk menangani penyalahgunaan alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita dengan mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) Mengubah dan meningkatkan umur seseorang untuk membeli minuman keras dan alkohol secara sah dari segi undang-undang dari 18 tahun ke 21 tahun. Hukuman berat dan denda yang maksimum juga harus dikenakan terhadap sesiapa sahaja yang di bawah umur 21 tahun jika mereka didapati membeli minuman alkohol dan minuman keras.
- (ii) Memperkenalkan sistem lesen baru yang mengawal waktu penjualan alkohol dan minuman keras. Contohnya seperti mengehadkan waktu penjualan dari 11.00 pagi sehingga pukul 9.00 malam.
- (iii) Mempunyai undang-undang untuk menangani masalah-masalah pengambilan minuman-minuman keras dan alkohol di tempat awam dan menjadikan pengambilan minuman ini di tempat awam sebagai satu jenayah di mana boleh ditangkap dan didakwa di bawah kanun undang-undang.
- (iv) Memperketatkan lagi kanun undang-undang yang mengawal penjualan alkohol dan minuman keras oleh peniaga-peniaga kepada remaja dan juga pelajar-pelajar di bawah umur. Contohnya, apabila mana-mana peniaga menjual alkohol dan minuman keras kepada pelajar-pelajar dan remaja di bawah umur, lesen kedai peniaga itu haruslah ditarik dan dibatalkan dan mengenakan denda yang maksimum terhadap peniaga tersebut.
- (v) Memperkenalkan undang-undang baru untuk pendaftaran dan mengawal penjualan minuman-minuman keras buatan tempatan. Contohnya seperti samsu dan ia mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat berpendapatan rendah, terutamanya di kalangan masyarakat India yang tinggal di estate, kerana harga minuman ini adalah sangat murah dan mudah didapati di kawasan pedalaman secara haram.

- (vi) Menubuhkan satu pusat pencegahan, penyelidikan, dan pemulihian alkohol Malaysia seperti di Amerika Syarikat dan Australia untuk mengadakan penyelidikan dari semasa ke semasa."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

| <u>TAHUN 2012</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH DIBENTANGKAN</u> |
|------------------------------|--|---------------------------------------|
| ST.1 | Laporan Tahunan Suruhanjaya Perlantikan Kehakiman Bagi Tahun 2011. | 24 April 2012 |
| ST.2 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia Bagi Tahun 2010 | 24 April 2012 |
| ST.22 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Bagi Tahun 2010. | 24 April 2012 |
| ST.33 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Sekuriti Bagi Tahun 2011. | 24 April 2012 |